



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.30 petang, 2 Januari 2025

Untuk Terbitan Media

2 Januari 2025

## SIARAN MEDIA

### PENGENALAN SKBBK, PINDAAN DUA AKTA ANTARA TUMPUAN PERKESO PADA 2025

**KUALA LUMPUR** – Pengenalan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) akan menjadi antara tumpuan utama untuk direalisasikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), tahun ini.

Dua lagi pindaan perundangan, masing-masing Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) juga bakal diberikan tumpuan sama.

PERKESO menerusi kenyataan menyifatkan bahawa pembaharuan itu adalah usaha ke arah mewujudkan perlindungan 24 jam kepada pekerja, sekali gus menutup segala kelompongan dalam jaringan keselamatan sosial sedia ada.

“Untuk 2025, beberapa pelan besar menanti untuk direalisasikan PERKESO seperti pindaan Akta 4, Akta 800 dan SKBBK yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat, demi menjamin keterangkuman aspek keselamatan sosial di Malaysia.

“Selain itu, PERKESO memberi tumpuan kepada aspek inovasi yang menjadi antara perkara ditekankan dalam Forum Keselamatan Sosial Serantau (RSSF) Asia dan Pasifik, baru-baru ini.

“Siri pembaharuan ini perlu dilakukan kerana jaringan keselamatan sosial harus kekal relevan seiring peredaran semasa,” menurut kenyataan yang dikeluarkan, hari ini.

Mengorak langkah seterusnya, PERKESO dan tiga lagi rakan strategik iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang bersiap sedia menjadi tuan rumah bagi penganjuran Forum Keselamatan Sosial Sedunia (WSSF) 2025 yang bakal diadakan pada 29 September hingga 3 Oktober depan.

Sehubungan itu, perancangan ke arah forum berskala global berkenaan ketika ini giat dirintis kerana ia dijangka menghimpunkan 338 agensi dan institusi dari 163 negara dalam kalangan ahli Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA).

ISSA yang ditubuhkan pada tahun 1927, berpusat di Geneva, Switzerland adalah pertubuhan antarabangsa dalam bidang keselamatan sosial yang bernaung dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

ISSA berperanan sebagai platform global bagi membincangkan dasar, strategi dan inovasi dalam bidang keselamatan sosial.

Penganjuran persidangan kemuncak WSSF yang diadakan pada setiap tiga tahun adalah antara inisiatif ISSA yang dihadiri menteri, pegawai kanan, pengamal dan pakar dalam bidang keselamatan sosial.

## **Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**2 Januari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**  
**+6019-3265772**  
[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)